

SKOP ATAU FUNGSI UTAMA ISO BAHAGIAN:-

3.2.1 BAHAGIAN PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan berfungsi bagi memastikan pengurusan pentadbiran, sumber dan kewangan diuruskan dengan strategik dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan peraturan dan prosedur yang sedang berkuatkuasa.

Unit-unit di bawah Bahagian Pengurusan Yang di ISO

1. Pentadbiran

Unit Pentadbiran Berperanan Dalam Memberi Perkhidmatan Sokongan Dari Segi Penyelarasan Dan Perancangan Khidmat Pelanggan (Aduan Dan Kaunter) dan Kenderaan. Terdapat dua (2) Seksyen Yang Menyokong Fungsi Unit Ini aitu :

- Seksyen Pengangkutan : Memantau dan menyelaras tempahan dan penyelenggaraan kenderaan di samping kawasan letak kereta.
- .Seksyen Khidmat Pelanggan : Memantau dan menyelaras pengurusan kaunter dan aduan di jabatan.

2. Latihan dan inovasi

1. Latihan Asas Perkhidmatan / Kompetensi
2. Latihan Dalam Perkhidmatan

Peranan

Latihan Asas Perkhidmatan/Kompetensi

1. Program Transformasi Minda (PTM)
2. Latihan Berasaskan Kompetensi (CBT)
3. Permohonan Pos Basik
4. Penempatan Pelajar IPTA/IPTS (e-Pelatih)
5. Permohonan Kelulusan Pakej

Latihan Dalam Perkhidmatan

1. Kursus Latihan Dalam Perkhidmatan
2. Penilaian Kursus
3. Kursus Anjuran Luar JKWPKL
4. Sesi Pembelajaran Berterusan
5. CPD
6. Laporan Hari Berkursus
7. Buku Log

3. Unit Perolehan

- Bertanggungjawab dalam menguruskan perolehan pembekalan dan perkhidmatan bagi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.
- Memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan secara cekap, berhemah dan berintegriti mengikut tatacara dan arahan pekeliling perbendaharaan terkini yang berkuatkuasa
- Fungsi Unit
- Bertanggungjawab di dalam menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dari segi pengurusan perolehan di Jabatan dengan:
 - Menguruskan Perolehan Secara Pembelian Terus (Bekalan/Perkhidmatan)
 - Menguruskan Perolehan Secara Sebutharga (Bekalan/Perkhidmatan).
 - Menguruskan Perolehan Secara Tender (Bekalan/Perkhidmatan).
 - Menguruskan Perolehan Fabrik Pakaian Seragam dan Pengagihan.
 - Menguruskan urusan pendaftaran syarikat pembekal di Jabatan.

4. Unit Aset

Bertanggungjawab menguruskan semua aset alih kerajaan samaada Harta Modal atau Aset Bernilai Rendah meliputi :-

- Pendaftaran
- Pemeriksaan
- Penyelenggaraan
- Pindahan
- Pelupusan
- Kehilangan dan Hapuskira
- Sumbangan dan Hadiah

5. Pengurusan Maklumat (IT)

- Mengurus dan menyelenggara rangkaian, perkakasan, perisian dan perkhidmatan berkaitan pengkomputeran.
- Mengendali latihan kepada penggunaan sistem yang dibekalkan.
- Penyelenggara dan mengemaskini laman web Jabatan.
- Merancang pembangunan Sistem Maklumat.
- Menyedia khidmat nasihat teknikal.
- Bertindak sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa IT.

❖ . Cawangan Kejuruteraan

Cawangan Kejuruteraan berperanan:

- Merancang dan melaksanakan program-program di bawah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM.
- Menyedia dan memantau pelaksanaan program penyelenggaraan kejuruteraan di institusi kesihatan.

- Memastikan Program Pemantauan Kualiti Air Minum Kebangsaan dilaksanakan secara berkesan dalam memastikan keselamatan kesihatan pengguna.
- Melaksanakan projek baru dan naiktaraf kemudahan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui tatacara pengurusan projek yang berkualiti dengan mengambil kira keseluruhan aspek kejuruteraan dan keperluan peralatan perubatan.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan.

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL

3.2.2 BAHAGIAN PERUBATAN

Bahagian Perubatan merupakan salah satu bahagian di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P). Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan 36 penjawat awam. Bahagian ini mempunyai tiga fungsi utama iaitu penyelarasan teknikal perkhidmatan rawatan perubatan dan pengawasan pengurusan hospital, penyelarasan pasukan perlindungan perubatan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta perlesenan dan penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan hospital swasta. Bahagian ini juga mempunyai sebuah hospital dibawah pentadbirannya iaitu Hospital Putrajaya (HPJ). Hospital Putrajaya merupakan hospital berpakar yang mempunyai bilangan katil sebanyak 278 buah. Selain daripada Hospital kerajaan terdapat juga 44 buah hospital dan rumah bersalin swasta dan 1078 buah klinik perubatan swasta yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk di WPKL dan Putrajaya.

FUNGSI BAHAGIAN PERUBATAN

- **UKAPS**
 - Menguruskan permohonan pendaftaran klinik perubatan swasta
 - Memantau klinik perubatan swasta (pasca pendaftaran klinik sedia ada)
 - Pengendalian aduan terhadap kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta
 - Menjalankan serbuan ke atas premis untuk tujuan penguatkuasaan
 - Pembaharuan lessen kemudahan jagaan kesihatan swasta
 - Membuka kertas siasatan
- **UNIT PENGURUSAN HOSPITAL**
 - Menjalankan pemantauan/ penyeliaan aktiviti perkhidmatan perubatan
 - Menyelaras keperluan peruntukan dan perjawatan HPJ dan HRC
 - Memantau tindakan terhadap aduan yang diterima
 - Merancang dan menguruskan operasi hospital baru
- **UNIT KUALITI**
 - Menyelaras dan memantau pelaksanaan "Performance Indicator"
 - Menyelaras pelaksanaan aktiviti Quality Assurance Programme JKWPKL&P bagi Bahagian Kesihatan Awam, Pergigian, Farmasi dan Hospital
 - Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti
- **UNIT PERLINDUNGAN PERUBATAN**

- Menyelaras dan memantau aktiviti liputan perlindungan perubatan di peringkat antarabangsa, kebangsaan, tempatan dan aktiviti-aktiviti semasa
- **UNIT REKOD PERUBATAN**
 - Menyelaras dan menguruskan maklumat-maklumat kesihatan dan dibekalkan melalui Hospital Putrajaya/ Pejabat Kesihatan Putrajaya dan Perkhidmatan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta
 - Menguruskan permohonan penubuhan Lembaga Perubatan ke atas pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain kakitangan
 - Memantau penyediaan laporan perubatan bagi hospital bagi tempoh 4 minggu
- **UNIT PENGURUSAN PERUBATAN**
 - a) Pentadbiran
 - Menguruskan urusan pendaftaran surat menyurat keluar & masuk
 - Menyediakan dokumen bagi urusan perkhidmatan anggota bahagian perubatan
 - Mengendalikan pengurusan pendaftaran, penyimpanan, pengedaran dan pelupusan rekod-rekod bagi bahagian perubatan
 - Menguruskan pengendalian mesyuarat yang melibatkan bahagian perubatan
 - Merancang, melaksana dan menilai keberkesanan latihan bagi anggota bahagian
 - Menguruskan penyediaan kenderaan bagi aktiviti-aktiviti bahagian
 - b) Kewangan
 - Menguruskan urusan kewangan dan perolehan yang melibatkan perkhidmatan dan bekalan untuk keperluan bahagian perubatan

3.2.3 FUNGSI BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Awam bertanggungjawab menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat di semua peringkat melalui penjagaan kesihatan asas dengan memberi fokus kepada Perkhidmatan Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit, Kawalan Mutu Makanan dan Pendidikan serta Promosi Kesihatan. Ia merupakan bahagian yang terbesar di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. Terdapat 11 cawangan dan 5 Pejabat Kesihatan Daerah di bawah struktur pentadbiran Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P.

CAWANGAN-CAWANGAN DAN UNIT-UNIT DI BAWAH BAHAGIAN KESIHATAN AWAM, JKWPKL&P

- ❖ **Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam**
 - Unit Perkhidmatan & Pembangunan Profesional Kesihatan Awam
 - Unit Penguatkuasaan Kesihatan Awam
 - Unit Pentadbiran Kesihatan Awam
- ❖ **Cawangan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit**
 - Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar (KPAS)
 - Unit Mental, Substance Abuse, Violent & Injury Prevention (MESVIP)
 - Unit KOSPEN & Kanser
 - Unit Kawalan Pencegahan DM/HPT & Kardiovaskular
- ❖ **Cawangan Kawalan Penyakit Berjangkit**
 - Unit Penyakit Berjangkit (CDC)
 - Unit Tibi & Kusta
 - Unit HIV & STI
- ❖ **Cawangan Survelan**
 - Unit Pengurusan Data Survelan
 - Unit Pengurusan Wabak & Bencana
 - Unit Kesihatan Antarabangsa
- ❖ **Cawangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor**
 - Unit Denggi
 - Unit Malaria & Lain-Lain Penyakit Bawaan Vektor
 - Unit Entomologi & Pest
- ❖ **Cawangan Kesihatan Primer**
 - Unit Perlaksanaan Polisi Kesihatan Primer
 - Unit Penjagaan Perubatan & Kesihatan Primer
 - Unit Infrastruktur, Sokongan Klinikal & Teknikal
- ❖ **Cawangan Kesihatan Keluarga**
 - Unit Kesihatan Ibu
 - Unit Kesihatan Wanita Dewasa
 - Unit Kesihatan Kanak-Kanak
 - Unit Kesihatan Sekolah
- ❖ **Cawangan Pemakanan**
 - Unit Intervensi Pemakanan di Institusi
 - Unit Survelan & Operasi Klinik
 - Unit Perancangan Kualiti
- ❖ **Cawangan Pendidikan Kesihatan**
 - Unit Kesejahteraan Institusi Pendidikan
 - Unit Penerbitan, Penyelidikan dan Dokumentasi
 - Unit Mobilisasi Komuniti
- ❖ **Cawangan Kejuruteraan Kesihatan Awam**

- Unit Operasi Projek
- Unit Operasi Biomedikal
- Unit Kawalan Mutu Air Minum

❖ **Cawangan Kawalselia Radiasi Perubatan**

- Unit Unit Siasatan/ Pendakwaan
- Unit Pendaftaran eRADIA
- Unit Permonitoran/ Penguatkuasaan Swasta & Kerajaan

PEJABAT KESIHATAN DI BAWAH BAHAGIAN KESIHATAN AWAM, JKWPKL&P

- ❖ Pejabat Kesihatan Kepong
- ❖ Pejabat Kesihatan Titiwangsa
- ❖ Pejabat Kesihatan Cheras
- ❖ Pejabat Kesihatan Lembah Pantai
- ❖ Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya

FUNGSI BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

1. Membantu individu dan komuniti untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas.
2. Menggalakkan amalan kesihatan di kalangan setiap individu dan masyarakat.
3. Menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan.

❖ **Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam**

Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam berperanan menjalankan segala aktiviti berkaitan perkembangan profesyen dan halatuju anggota-anggota di Bahagian Kesihatan Awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan.

- Pengurusan Sumber Manusia
 - Menyelaras keperluan organisasi program Kesihatan Awam
 - Mengemaskini pengkalan data sumber manusia Bahagian Kesihatan Awam
- Pembangunan Profesional
 - Memantau pelaksanaan dasar dan aktiviti latihan yang dirancang di peringkat negeri dan daerah pada tahun semasa
 - Memantau prestasi perbelanjaan latihan dalam perkhidmatan
- Pengurusan Kewangan Peringkat Bahagian Kesihatan Awam
 - Memantau keperluan dan prestasi kewangan di Bahagian Kesihatan Awam
 - Menyediakan cadangan pembahagian peruntukan tahunan dan semakan pertengahan tahun Bahagian Kesihatan Awam
- Pengurusan Aset Bahagian Kesihatan Awam

- Menyelaras dan memantau pengurusan aset di Bahagian Kesihatan Awam
- Pengurusan Kualiti Peringkat Bahagian Kesihatan Awam
 - Menyelaras aktiviti program MS ISO 9001: 2015 Bahagian Kesihatan Awam
 - Menyelaras Kajian QAP Bahagian Kesihatan Awam
 - Menyelaras dan memantau pengurusan aduan Bahagian Kesihatan Awam
 - Memantau dan menyelaras pencapaian NIA, KPI Kesihatan Awam dan KPI Pegawai Kesihatan Daerah
- Penguatkuasaan dan Perundangan Bahagian Kesihatan Awam
 - Menjalankan dan memantau pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kesihatan Awam.
 - Mengenalpasti keperluan pindaan dan penambahbaikan peraturan dan akta-akta Kesihatan Awam.
 - Menerima kertas siasatan dari Pejabat Kesihatan dan merekod dalam buku daftar.
 - Menyemak kertas siasatan yang diterima dan menghantar ke Jabatan Peguam Negara untuk urusan izin kompaun dan izin dakwa di mahkamah.
- Pengurusan Data dan Laporan
- Menyelaras pelaksanaan EKSA di Bahagian Kesihatan Awam
- Menyelaras Program KIK/Inovasi Bahagian Kesihatan Awam

❖ Cawangan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit

Cawangan ini berperanan dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan anggota kesihatan dan masyarakat umum mengenai faktor-faktor risiko penyakit tidak berjangkit dan serta mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat. Matlamat utama cawangan adalah untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti yang disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit agar tidak lagi menjadi masalah kesihatan awam serta mengesan pengidap penyakit tidak berjangkit di peringkat awal. Antara perkhidmatan yang diberikan adalah:

- Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS)
 - Mengawal dan menyelaras semua aktiviti yang melibatkan kesihatan pekerjaan di kalangan kakitangan JKWPKL&P
 - Mempromosikan dan mengekalkan keadaan fizikal, mental dan sosial tahap yang tertinggi
 - Menjalankan aktiviti surveilan penyakit pekerjaan, sanitasi alam sekitar, program surveilans penyakit berkaitan alam sekitar, promosi kesihatan dan keselamatan pekerjaan
 - Menjalankan Program KOSPEN Plus ditempat kerja
 - Memperkukuhkan Program Immmunisasi Hepatitis B di kalangan anggota
 - Menjalankan audit keselamatan dan kesihatan bagi kemudahan kesihatan
 - Memperkukuhkan program menghadapi bencana dan lain-lain.

- Unit *Mental, Substance Abuse, Violent & Injury Prevention* (MESVIP)
 - Menjalankan Program Pencegahan Dan Kawalan Kesihatan Mental
 - Menjalankan Program Pencegahan Dan Kawalan Penyalahgunaan Alkohol.
 - Menjalankan Program Pencegahan Dan Kawalan Hasil Tembakau
 - Menjalankan Program Pencegahan Dan Kawalan Kecederaan Dan Keganasan

- Unit Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan Kanser.
 - Merancang dan memantau program saringan dan program KOSPEN bagi setting komuniti
 - Menjalankan Program Pencegahan Dan Kawalan Kanser
 - Memberi perkhidmatan saringan kolorektal di semua klinik –klinik kesihatan di bawah penyeliaan JKWPKL&P.
 - Menyelaraskan program verifikasi kematian yang tidak disahkan oleh pegawai perubatan.

- Unit Kawalan Pencegahan Penyakit DM dan Kardiovaskular
 - Melaksanakan pemantauan, penilaian dan menganalisa reten rawatan serta komplikasi penyakit diabetes dan kardiovaskular
 - Merancang dan memantau aktiviti saringan dan kawalan penyakit diabetes dan kardiovaskular
 - Merancang dan menyediakan program latihan pengukuhan rawatan diabetes dan kardiovaskular di klinik kesihatan

❖ **Cawangan Kawalan Penyakit Berjangkit**

Cawangan Kawalan Penyakit Berjangkit berperanan menjalankan pemantauan terhadap program pencegahan dan kawalan penyakit yang berjangkit di bawah Unit CDC, Unit Tibi & Kusta dan Unit HIV & STI. Antara fungsinya ialah memantau

- Program Penyakit Bawaan Makanan (FWBD)
 - Memantau data kejadian penyakit di daerah melalui sistem enotis
 - Mengesan wabak dan pastikan siasatan dan kawalan di daerah berjalan lancar
 - Mendapatkan reten wabak dan menghantar ke KKM
 - Menganalisa data kejadian penyakit FWBD
 - Menjalankan odit program FWBD,zoonosis dan VPD di daerah secara berkala

- Program Penyakit Zoonosis
 - Koodinasi dan berkongsi data berkaitan dengan Jabatan Veterina
 - Memantau data kejadian penyakit di daerah melalui sistem enotis
 - Mengesan wabak dan pastikan siasatan dan kawalan di daerah berjalan lancar
 - Mendapatkan reten wabak dan menghantar ke KKM
 - Menganalisa data kejadian penyakit zoonosis
 - Merancang pelan tindakan program berdasarkan pencapaian tahunan

- Program Penyakit Berkaitan Vaksin (VPD)
 - Koordinasi dan berkongsi data liputan Imunisasi dengan Cawangan
 - Pembanguna Kesihatan Keluarga.
 - Memantau data kejadian penyakit di daerah melalui sistem enotis
 - Mengesan wabak dan pastikan siasatan dan kawalan di daerah berjalan lancar
 - Mendapatkan reten wabak dan menghantar ke KKM
 - Menganalisa data kejadian penyakit VPD
- Program Rawatan dan Kawalan Tibi
 - Menjalankan lawatan audit ke daerah secara berkala
 - Memantau hasil rawatan Tibi di daerah melalui sistem myTIBI
 - Merancang Pelan Tindakan Program berdasarkan pencapaian tahunan
 - Kolaborasi dengan *Non Government Organisation* (NGO) berkaitan
- Program Rawatan dan Kawalan Kusta
 - Menjalankan lawatan audit ke daerah secara berkala
 - Memantau kes Kusta di daerah melalui sistem myKUSTA
 - Merancang Pelan Tindakan Program berdasarkan pencapaian tahunan
 - Kolaborasi dengan *Non Government Organisation* (NGO) berkaitan
- Rawatan HIV/ AIDS (HAART)
 - Memantau rawatan HIV/AIDS di daerah melalui reten berkala
 - Menyediakan keperluan rawatan termasuk ubatan, reagen dan `test kit`
 - Menganalisa keberkesanan program rawatan HIV di peringkat negeri
 - Bekerjasama dengan NGO
- Saringan HIV Ibu Hamil (eMTCT)
 - Memantau data reten e MTCT secara berkala
 - Memantau keberkesanan program saringan secara bulanan
 - Memastikan semua ibu dan bayi yang dijangkiti HIV mendapat rawatan
- Saringan Pra Perkahwinan
 - Memantau data reten program ini secara berkala
 - Memastikan semua kes yang positif di beri rawatan HAART.
 - Bekerjasama dengan Jabatan Agama, Majlis Agama Negeri dan JAKIM
- Rawatan Gantian Methadone
 - Memantau dan menganalisa data reten program secara berkala
 - Bekerjasama dengan agensi lain seperti AADK, Polis dan Jabatan Penjara
 - Menganalisa keberkesanan program secara berkala
 - Menyediakan keperluan rawatan termasuk reagent dan ubatan
 - Menyediakan pelan tindakan berdasarkan pencapaian tahunan.
- Program Orang Kena Pengawasan (OKP)
 - Memantau aktiviti berkaitan HIV di daerah untuk bekas penagih dalam komuniti

- Kolaborasi aktiviti dengan agensi lain termasuk AADK ,PEMADAM dan Polis
- Program *City Getting to Zero HIV (CTGO)*
 - Menjadi urusetia Program yang mana program ini dipengerusikan oleh Dato Bandar kuala Lumpur
 - Memantau aktiviti setiap JKK kerja CTGO di daerah yang terlibat
 - Mendapatkan bantuan kewangan dari sektor HIV untuk aktiviti CTGO
- Program Riben Merah
 - Memantau aktiviti program di daerah yang melibatkan sekolah dan kolej secara berkala
 - Membuat pelan tindakan berdasarkan pencapaian tahunan.

❖ **Cawangan Survelan**

Cawangan Survelan bertanggungjawab dalam aktiviti berkaitan epidemiologi, kesihatan persekitaran dan penguatkuasaan perundangan kesihatan awam. Antara fungsi cawangan ini adalah:

- Menyelaras dan memantau sistem survelan bagi pengesanan awal kejadian kes dan wabak penyakit berjangkit yang melibatkan:
 - *Case-based surveillance - e-notifikasi*
 - *Event-based surveillance - Syndromic notification*
 - *Sentinel Surveillance*
 - *Influenza-like Illness (ILI)*
 - *Acute Gastroenteritis (AGE)*
 - *Laboratory based surveillance - ILI*
 - *Rumours surveillance*
- Memantapkan sistem informasi dan dokumentasi penyakit-penyakit berjangkit dan menyediakan data berkaitan penyakit berjangkit di JKWPKL&P melalui:
 - e-notifikasi
 - e-wabak
 - Mesyuarat Epid Review
 - Surat pekeliling & garis panduan
- Menyelaras dan memperkemas sistem kesiapsiagaan dalam menghadapi wabak / krisis / bencana melalui:
 - Penyelarasan di *Crisis Preparedness Response Centre (CPRC)*
 - Kesiapsiagaan / latihan simulasi menghadapi Pandemic Influenza / MERS-CoV / EVD
 - Pengemaskinian *stock-pile Personal Protective Equipment (PPE)*
 - Penyelarasan pengurusan wabak/ bencana/ krisis
- Menyelaras dan memperkemas aktiviti berkaitan kesihatan antarabangsa melalui:
 - Pelaksanaan *International Health Regulations (IHR)*
 - Pengurusan permit bagi import / eksport mayat / tisu / organisma

- Latihan dan pemantauan sistem *Business Licensing Electronic Support System (BLESS)*
- Pemantauan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA)
- Latihan dan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Jemaah Haji
- Pematuhan *Malaysia Strategy for Emerging Diseases (MYSED) Workplan*
- Pemantauan penyakit semasa yang mendapat perhatian antarabangsa (*Current disease on International concern*) seperti MERS-CoV & Ebola

❖ **Cawangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor**

Cawangan Penyakit Bawaan Vektor berperanan menjalankan segala urusan pentadbiran dan pengurusan yang melibatkan Penyakit Bawaan Vektor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

- Pengurusan Data dan Laporan
 - Memantau semua kes penyakit bawaan vektor yang perlu dilaporkan dalam tempoh 24 jam di bawah Akta Penyakit Berjangkit 1988.
 - Memantau, merekod dan menganalisa kejadian penyakit bawaan vektor.
 - Menyediakan laporan harian dan mingguan Denggi
 - Menjalankan pemantauan semua penyakit bawaan vektor di daerah samada kes tempatan, import dan kejadian penularan dari luar atau dalam daerah, negeri dan negara
- Pencegahan dan Kawalan
 - Mencegah kejadian Demam Denggi, Zika, Chikungunya, dan lain-lain penyakit bawaan vektor dari peringkat awal supaya tidak menjadi masalah kesihatan awam.
 - Memantau aktiviti kawalan dan pencegahan bagi penyakit bawaan vektor di peringkat daerah dan negeri.
 - Menjalankan penyiasatan dan penilaian risiko Entomologi di lokaliti kematian dan wabak penyakit bawaan vektor serta lokasi tumpuan awam.
- Pengurusan Logistik Cawangan
 - Mengurus stor dan aset peringkat negeri.
 - Mengurus stok racun peringkat negeri
 - Memantau stok racun di peringkat daerah
 - Membekal stok racun ke daerah.
- Pembangunan Profesional
 - Melaksanakan dasar latihan berkenaan penyakit bawaan vektor dan pest.
- Pengurusan Aduan
 - Menerima dan menyelaraskan aduan vektor dan pest.
 - Memantau setiap aduan dijalankan siasatan.
 - Memastikan maklumbalas siasatan aduan dihantar kepada pengadu atau pihak yang berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan.

❖ Cawangan Kesihatan Primer

Cawangan Kesihatan Primer bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti berikut:

- Pelaksanaan Polisi Kesihatan Primer
 - Pengurusan Sumber Manusia
 - Pengurusan Peruntukan Kewangan, Waran dan Perbelanjaan
 - Pengurusan KK/K1M/KKIA
 - Pengurusan aduan/pertanyaan awam
 - Tele Primary Care
 - Program Credentialing & Priveleging
 - Pemantauan pelaksanaan sistem eMASA di KK.
 - Program Panel Penasihat Klinik Kesihatan
 - Primary Health Care Team/ Family Doctor Concept
 - Health Promoting Clinic (HPC) di fasiliti kesihatan primer
 - Projek Pembangunan, naik taraf, penubuhan fasiliti baru dan pengurusan fasiliti kesihatan sedia ada
 - Latihan Dalam Perkhidmatan (Kesihatan Primer) termasuk latihan kepada PPKK
 - Latihan NCD: memastikan 100% kategori MO/PF/PPP/JT/JM diberi latihan NCD mengikut modul yang ditetapkan bermula
 - EKSA di fasiliti kesihatan
 - Prosedur ISO Kesihatan Primer
 - Patient Safety Goal/Incident Reporting
 - Pemeriksaan Lokap Khas (KKKL)
 - Perkhidmatan Klinik Parlimen
 - Depoh Tahanan Sementara
- Penjagaan Perubatan Dan Kesihatan Primer
 - Perkhidmatan Pesakit Luar
 - Perkhidmatan Kecemasan
 - Perlaksanaan Perkhidmatan klinik secara integrasi REAP/BSSK
 - Pemeriksaan Kesihatan Anggota Perkhidmatan Awam > 40 tahun di semua KK
 - Kesihatan Remaja.
 - Kesihatan Warga Emas (NBOS-10 & NBOS-7)
 - Program Infection Control di Fasiliti Kesihatan Primer
 - Program Klinik Berhenti Merokok / Intervensi Alkohol (IA)
 - Program NBOS-10
 - Program NBOS-7 (Warga Emas di Institusi)
 - Program NCD di Kesihatan Primer
 - Program Penjagaan Luka di KK
 - Pemeriksaan Perubatan (kemasukan IPTA/IPTS)
 - Program Outreach
 - Kesihatan Mental
 - QAP Asma dan Klinik Kawanku
- Infrastruktur, Sokongan Klinikal Dan Teknikal
 - Perkhidmatan aktiviti sokongan teknikal dan klinikal :
 - Perkhidmatan X-Ray

- Perkhidmatan Rehabilitasi (OT/PT)
- Perkhidmatan Makmal/POCT
- Perkhidmatan Sosial Perubatan
- Perkhidmatan Dietetik
- Pengurusan kontrak dan kontrak pusat di semua fasiliti kesihatan:
- Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK)
- Program MEET
- Sewaan Kenderaan
- Kawalan Keselamatan
- Pembersihan
- Ambulan/MECC
- Program QAP Penjagaan Kesihatan Primer dan Unit Sokongan:
- Indikator QAP - TTAT Ujian FBC secara automation
- HbA1c proficiency testing - QAP (Radiologi)
- Filem xray ditolak (rejected)
- HIDATA

❖ Cawangan Kesihatan Keluarga

Cawangan Kesihatan Keluarga bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelaraskan dan memantau program mengikut "peringkat umur pusingan hidup" serta menjalankan aktiviti surveilans. Program kesihatan keluarga meliputi kesihatan ibu, perinatal, kanak-kanak, remaja, pelajar sekolah dan wanita dewasa. Program ini menyediakan perkhidmatan penjagaan yang komprehensif dan berintegrasi serta *personalised care* dengan penekanan kepada pencegahan dan kawalan, pengesanan penyakit, promosi, pendidikan kesihatan, khidmat nasihat, rawatan awal, dan rehabilitasi. Perkhidmatan ini disalurkan melalui klinik kesihatan, lawatan ke rumah, komuniti, pasukan kesihatan sekolah, institusi dan tempat kerja.

Terdapat 4 Unit di bawah Cawangan Kesihatan Keluarga:

- Unit Kesihatan Ibu
 - Penjagaan antenatal – termasuk pemeriksaan, saringan faktor-faktor risiko, rujukan kepada Pakar jika berkaitan, imunisasi serta pendidikan kesihatan semasa lawatan antenatal ibu ke klinik dan lawatan rumah bagi kes berisiko dan cicir temujanji
 - Penjagaan intrapartum
 - Penjagaan postnatal
 - Penjagaan kesihatan remaja hamil
 - Pengurusan *credentialing and privileging basic ultrasound obstetric* bagi Pegawai Perubatan
 - Pengurusan kualiti
 - Pengurusan, pemantauan dan surveilans kesihatan ibu – ianya termasuk morbiditi dan mortaliti ibu
- Unit Kesihatan Wanita Dewasa - meliputi perkhidmatan khusus kepada wanita dewasa dari aspek pencegahan dan kawalan kanser wanita, dan penjagaan pra kehamilan
 - Saringan Kanser Serviks melalui pemeriksaan Pap Smear

- Pengesanan awal kanser payudara melalui Pemeriksaan Klinikal Payudara dan Saringan mammogram untuk wanita berisiko tinggi
 - Penjagaan kesihatan ibu tunggal
 - Penjagaan kesihatan pra kehamilan
 - Perkhidmatan Perancang Keluarga
 - Pengurusan kualiti
 - Pengurusan, pemantauan dan surveilan kesihatan wanita dewasa
- Unit Kesihatan Kanak-kanak
 - Penjagaan kesihatan kanak-kanak berumur bawah 6 tahun, termasuk perinatal dan neonatal
 - Imunisasi kanak-kanak
 - Pengurusan rangkaian sejuk
 - Penjagaan kesihatan kanak-kanak keperluan khas
 - Pengurusan kualiti
 - Pengurusan, pemantauan dan surveilan kesihatan kanak-kanak– ianya termasuk morbiditi dan mortaliti kanak-kanak termasuk lahir mati
- Unit Kesihatan Sekolah
 - Perkhidmatan kesihatan sekolah – pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah
 - Imunisasi murid sekolah
 - *Expanded* program - HPV imunisasi pelajar tingkatan 1 dan saringan thalassemia pelajar tingkatan 4
 - Pengurusan rangkaian sejuk
 - Pendidikan kesihatan sekolah
 - *Sexual reproductive health*
 - Program LINUS - pengesanan murid bermasalah dalam pembelajaran bagi murid tahun 3
 - Pengurusan kualiti
 - Pengurusan, pemantauan dan surveilan kesihatan sekolah

❖ Cawangan Pemakanan

Cawangan Pemakanan bertanggungjawab merancang, membangun, melaksana, memantau dan menilai program pemakanan melalui empat aspek iaitu perancangan, pengawasan, pemulihan dan promosi pemakanan, di samping melaksanakan Perkhidmatan Pemakanan, Latihan, Kajian & Penyelidikan, Nasihat Teknikal dan Perkhidmatan Konsultansi, Inisiatif Kualiti dan Pendidikan Berterusan (*Continous Professional Development*)

i. Perancangan dan Pembangunan Pemakanan

- Hala Tuju dan Pembangunan Program
 - Menentukan hala tuju Program Pemakanan di peringkat negeri berdasarkan dasar dan pelan induk sedia ada seperti Dasar Pemakanan Kebangsaan, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (NPANM) dan Rancangan 5 Tahun Malaysia (RMK).
 - Mengenal pasti masalah pemakanan penduduk mengikut keutamaan.

- Menyedia, melaksana dan memantau Pelan Tindakan Pemakanan Negeri.
 - Merancang dan membangunkan program-program yang bersesuaian, bagi menangani masalah pemakanan yang khusus di peringkat negeri.
 - Merancang dan membangun profesionalisma Pegawai Sains Pemakanan di peringkat negeri, daerah dan klinik kesihatan.
- Pengawasan Pemakanan
 - Membangun, mengurus dan menyelenggara satu Sistem Pengawasan Pemakanan Negeri.
 - Memantau kemajuan status pemakanan penduduk di peringkat negeri mengikut daerah dan kawasan operasi klinik kesihatan.
- ii. Pengurusan Program Pemakanan
- Mengenal pasti keperluan dan punca perolehan sumber untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pemakanan samada dari Jabatan Kesihatan Negeri atau agensi-agensi lain.
 - Memantau dan menilai pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti pemakanan melalui reten, kajian dan maklum balas.
 - Melapor status pemakanan penduduk dan pelaksanaan aktiviti pemakanan, berdasarkan reten yang diperolehi dari peringkat negeri ke peringkat Kebangsaan.
 - Menyedia dan mengurus keperluan peruntukan kewangan (*budget allocation*) bagi Program Pemakanan Negeri, termasuk penyediaan perjanjian program dan spesifikasi output.
 - Membuat agihan peruntukan pemakanan dan memantau perbelanjaan.
 - Mengenalpasti keperluan tenaga manusia, peralatan dan ICT melalui penyediaan Dasar Baru/One-Off, Naziran dan Justifikasi Perrnohonan Jawatan Baru Anggaran Belanja Mengurus (ABM).
 - Menjalinkan kerjasama dan hubungan dengan agensi-agensi lain yang berkaitan.
- iii. Promosi dan Pendidikan Pemakanan
- Merancang, melaksana, menyelaras dan menilai aktiviti promosi pemakanan di peringkat negeri untuk kumpulan sasaran utama, termasuk:
 - Promosi Penyusuan Susu Ibu
 - Inisiatif Hospital Rakan Bayi/ Klinik Rakan Bayi Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia
 - Promosi pemakanan bayi dan kanak-kanak, termasuk pendidikan mengenai makanan pelengkap
 - Promosi Makan Secara Sihat, Bulan Pemakanan dan Katering Sihat
 - Promosi Pemakanan di Sekolah
- iv. Pemulihan Pemakanan
- Merancang, menyelaras, melaksana dan menilai program/aktiviti pemulihan pemakanan yang berikut:
 - Kekurangan makronutrien (PEM):
 - Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan

- Kekurangan mikronutrien
 - Program Pencegahan dan Kawalan Gangguan Akibat Kekurangan Iodin
 - Program Kawalan dan Pencegahan Ibu Anemia
 - Kelebihan pemakanan
 - Program Pencegahan dan Kawalan Obesiti
 - Penyakit berkaitan pemakanan
- v. Perkhidmatan Pemakanan
- Merancang dan menilai perkhidmatan pemakanan yang diberikan di peringkat klinik.
 - Merancang dan menilai aktiviti pemakanan seperti perancangan menu, demonstrasi masakan, pengubahsuaian resepi dan pemilihan makanan secara sihat di peringkat komuniti/institusi seperti di kawasan perumahan, kampung, tanah rancangan, kilang, kantin /kafeteria, Taska/Tadika, sekolah rumah kebajikan dan penjara.
- vi. Latihan
- Merancang, melaksana dan menilai latihan pemakanan untuk anggota kesihatan di peringkat negeri.
 - Bekerjasama dengan agensi lain dalam latihan pemakanan, contohnya latihan yang diadakan bersama-sama Majlis Kecergasan Kebangsaan.
 - Menyediakan Garis Panduan Pemakanan dan *Standard Operating Procedures* untuk kegunaan anggota kesihatan.
- vii. Kajian & Penyelidikan
- Mengenal pasti keperluan penyelidikan pemakanan di negeri.
 - Mengetuai kajian pemakanan di peringkat negeri dan merancang keperluan sumber jika diperlukan.
 - Membantu/memberi input/bekerja sama dalam kajian yang dijalankan oleh institusi lain.
- viii. Nasihat Teknikal & Perkhidmatan Konsultasi
- Memberi nasihat teknikal berkaitan pemakanan kepada pegawai-pegawai peringkat negeri dalam perancangan dan pelaksanaan Program Kesihatan Awam terutamanya Kesihatan Keluarga, Kesihatan Primer, Pendidikan Kesihatan, Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pergigian dan Kesihatan Pekerjaan. Lawatan ke klinik mengikut Zon setiap minggu untuk aspek nasihat teknikal berkaitan pemakanan.
 - Memberi perkhidmatan konsultansi/runding cara dalam bidang khusus seperti:
 - Pengurusan dan Promosi Penyusuan Susu Ibu (BFHI, Klinik Rakan Bayi)
 - Pemulihan dan pencegahan dalam kekurangan makro dan mikronutrien
 - Pengurusan berat badan
 - Garis Panduan Pemakanan dan Saranan Pengambilan Nutrien (RNI)

- Menganggotai dan memberi nasihat teknikal kepada jawatankuasa berkaitan pemakanan.
 - Menjadi penilai kebangsaan bagi Program Inisiatif Hospital / Klinik Rakan Bayi.
- ix. Inisiatif Kualiti
- Merancang, melaksana dan menilai aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti bagi program pemakanan di peringkat negeri.
- x. Pendidikan Berterusan (*Continous Professional Development*)
- Mengikuti perkembangan semasa dan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam bidang pemakanan dan bidang-bidang yang berkaitan

❖ **Cawangan Promosi Kesihatan**

Cawangan Pendidikan Kesihatan berperanan merancang, menyelaras, melaksana, dan menilai program pendidikan kesihatan termasuk menyelaras permohonan pameran dan ceramah dari pelanggan. Selain itu, cawangan ini bertanggungjawab memberi pengetahuan dan kemahiran untuk memperkasa komuniti mengubah sikap dan tingkahlaku yang tidak sihat kepada tingkahlaku yang lebih sihat serta menjadikannya satu cara hidup yang sihat dan produktif di kalangan individu, keluarga dan masyarakat melalui usaha-usaha seperti berikut:-

- Menyemai minat dalam kalangan masyarakat terhadap keutamaan dan kepentingan kesihatan dan cara hidup sihat.
- Meningkatkan kesedaran mengenai langkah-langkah pencegahan penyakit dan memupuk sikap bertanggungjawab terhadap kesihatan individu.
- Memberi pengetahuan mengenai prasarana kesihatan serta menggalakkan penggunaan kemudahan tersebut.
- Memupuk masyarakat supaya beriltizam terhadap keutamaan kesihatan dan menyuburkan amalan cara hidup sihat.

❖ **Cawangan Kejuruteraan Kesihatan Awam**

Cawangan Kejuruteraan Kesihatan Awam berperanan:

- Merancang dan melaksanakan program-program di bawah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM.
- Menyedia dan memantau pelaksanaan program penyelenggaraan kejuruteraan di institusi kesihatan.
- Memastikan Program Pemantauan Kualiti Air Minum Kebangsaan dilaksanakan secara berkesan dalam memastikan keselamatan kesihatan pengguna.

- Melaksanakan projek baru dan naiktaraf kemudahan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui tatacara pengurusan projek yang berkualiti dengan mengambil kira keseluruhan aspek kejuruteraan dan keperluan peralatan perubatan.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan.

❖ Cawangan Kawalselia Radiasi Perubatan (CKRP)

Cawangan Kawal Selia Radiasi Perubatan JKWPKL&P berperanan memastikan aktiviti penggunaan sinaran mengion di premis kerajaan dan swasta di Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah selamat dan wajar, dengan menguatkuasakan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bagi maksud perubatan.

- Unit Siasatan & Pendakwaan
 - Menjalankan aktiviti penyiasatan, serbuan dan pendakwaan di mahkamah. Tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap kes penyalahgunaan dan ketidakpatuhan yang serius di bawah Akta 304.
 - Menyediakan khidmat nasihat teknikal dan kepakaran dalam aspek keselamatan sinaran dan pematuhan Akta 304 kepada sektor kerajaan.
 - Sebagai ahli jawatkuasa pemantauan bencana radiasi perubatan.
- Unit Pendaftaran eRADIA
 - Melaksanakan Program Penjaminan Mutu (QAP) dalam radiologi sebagai kriteria tambahan dalam keperluan regulatori bagi memastikan maklumat diagnostik yang diperolehi dari radiograf pada tahap yang optima dan dedahan sinaran yang diterima oleh pesakit dan kakitangan pada tahap yang serendah mungkin.
 - Menjalankan aktiviti yang melibatkan keperluan QAP merangkumi Ujian Kawalan Mutu (QC) radas penyinaran, Analisa Kadar Penolakan Filem, Pendidikan Perubatan Berterusan (CME) dan Audit Kualiti Radiograf.
 - Melakukan aktiviti semakan perlesenan merangkumi keselamatan bilik x-ray, radas penyinaran kepada fasiliti baru/sedia ada bagi premis kerajaan.
- Unit Pemonitoran/Penguatkuasaan Swasta & Kerajaan
 - Memastikan keperluan-keperluan perlesenan di bawah Akta 304 dipatuhi.
 - Melaksanakan aktiviti pemonitoran dan lawatan pemeriksaan berkala bagi memastikan semua pemegang lesen mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk menjamin keselamatan sinaran dan kualiti perkhidmatan.
 - Melakukan lawatan pemeriksaan ke atas klinik/hospital berdasarkan keperluan (contoh: premis tamat tempoh lesen, aduan orang awam, tiada maklumbalas pematuhan dan lawatan rutin).
 - Melakukan penyelenggaraan *lead gown/illuminator* di premis kerajaan secara tahunan/berkala.
 - Menerima aduan sekiranya terdapat mana-mana pelanggaran peraturan di bawah Akta 304 bagi maksud perubatan.

3.2.4 FUNGSI BAHAGIAN FARMASI

- Merancang dan menyelaras keperluan modal insan yang optima, termasuk latihan disamping membelanjakan peruntukan secara berhemah.
- Mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang mesra dan berhemah kepada pesakit melalui perkhidmatan yang terbaik dan profesional.
- Memastikan pengilangan, pengimportan, penjualan, pembekalan, pengendalian dan penggunaan ubat-ubatan, sediaan-sediaan farmaseutikal dan produk-produk kesihatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan mengikut Undang-Undang Farmasi yang dikuatkuasakan oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu :
 - Akta Racun 1952 (Disemak 1989) dan peraturannya
 - Akta Jualan Dadah 1952 (Disemak) 1989 dan peraturannya
 - Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 (Disemak 1983)
 - Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1952 (Disemak 1989) dan peraturannya
 - Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) dan peraturannya

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) JKWPKL&P bertanggungjawab ke atas pengurusan, perancangan dan pembangunan perkhidmatan farmasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ini meliputi tiga aktiviti utama iaitu:

AKTIVITI PERKHIDMATAN FARMASI YANG DI ISO :

A. Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi

1. Mengumpul & Menyediakan Laporan statistik QAP, PF, SPUB, Data Bilangan Pesakit, Jumlah Penerimaan Preskripsi, Jumlah Perbelanjaan Dan Kos Ubat /Bukan Ubat.
2. Mengedarkan Semua Garispanduan, Arahan, Polisi Dan Surat Pekeliling Berkaitan Amalan Farmasi Yang Diterima Daripada JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya Dan Kementerian Kesihatan Malaysia Kepada Pihak Yang Terlibat.
3. Membantu Unit Latihan dan Kualiti Farmasi Dalam Mengkoordinasi Kursus/Latihan Anjuran Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKWP dan KKM.
4. Membuat Lawatan Penyeliaan Ke Farmasi di Klinik dan Hospital JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya.
5. Persediaan Mesyuarat Jawatankuasa Ubat-ubatan Negeri.

B. Cawangan Penguatkuasaan Farmasi

Fungsi Cawangan Penguatkuasaan Farmasi

1. Seksyen Pelesenan

Di bawah seksyen ini terdapat 3 unit:

- Bertanggungjawab memproses Lesen Racun Jenis A/B/E, Permit NaOH dan Permit Methadone di bawah Akta Racun 1952.
- Bertanggungjawab ke atas aktiviti pemeriksaan untuk premis-premis yang berlesen dengan CPFKL&P dan juga premis-premis berdaftar seperti hospital swasta, klinik perubatan dan klinik pergigian.
- Pemeriksaan premis dijalankan bagi tujuan pengeluaran lesen racun ke atas premis farmasi dan premis yang mengendalikan bahan kimia terkawal bagi tujuan kegunaan

industri. Ia dijalankan bagi memastikan kepatuhan setiap pemegang lesen terhadap syarat-syarat lesen racun di bawah Akta Racun 1952.

- Pemeriksaan dijalankan ke atas premis berdaftar iaitu klinik-klinik dan hospital swasta bagi memastikan pengendalian racun dilaksanakan mengikut keperluan undang-undang dan tiada penjualan atau pembekalan racun berjadual oleh individu yang tidak berkelayakan.

2. Seksyen Perisikan & Operasi

Di bawah seksyen ini terdapat 3 unit:

- Unit Perisikan dan Unit Aduan Farmaseutikal CPFKL&P bertanggungjawab menyiasat dan mengesahkan setiap aduan dan maklumat yang diterima daripada orang ramai. Pengesahan aduan dibuat bagi memastikan individu atau organisasi sasaran, masa, lokasi, corak aktiviti (modus operandi) sasaran adalah tepat dan sesuai untuk operasi serbuan. Jika pada peringkat pengesahan aduan, maklumat untuk tindakan serbuan belum lengkap, kes tersebut akan diteruskan dengan risikan lanjut secara surveillance atau risikan strategik.
- Unit Operasi CPFKL bertanggungjawab ke atas aktiviti serbuan. Serbuan dilakukan ke atas semua premis perniagaan termasuklah premis ubat tradisional, kedai ubat, salun kecantikan, kedai barang-barang hardware, farmasi retail, klinik perubatan serta rumah kediaman yang didapati menjalankan penjualan ubat-ubat tidak berdaftar, penjualan produk mengandungi racun oleh individu yang tidak dilesenkan serta produk kosmetik tidak bernetifikasi. Kebanyakan rampasan ialah produk-produk tidak berdaftar terutamanya ubat-ubat perangsang seks yang mengandungi Sildenafil dan Tadalafil dan juga produk pelansing badan.

3. Seksyen Perundangan

Di bawah seksyen ini terdapat 3 unit:

- Unit siasatan, unit ini mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti siasatan dan konsultasi bagi aktiviti siasatan.
 - Penyiasatan adalah satu proses mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh orang kena tuduh (OKT) sehingga ke peringkat pendakwaan. Ia melibatkan pengumpulan maklumat yang relevan daripada agensi lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Perubatan Malaysia, Telekom Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan lain-lain agensi yang berkaitan.
- Unit pendakwaan bertanggungjawab mengkoordinasi, menjalankan, memantau aktiviti pendakwaan dan juga memberi konsultasi bagi aktiviti pendakwaan termasuk berkaitan pemakaian undang-undang yang dikuatkuasakan.
 - Pendakwaan di mahkamah akan dijalankan setelah hasil daripada penyiasatan yang menyeluruh terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan. Pegawai farmasi yang dilantik menjadi pegawai pendakwa bertanggungjawab membawa kes ke mahkamah bagi membuktikan kes ke atas orang yang didakwa.
- Unit pengendalian bertanggungjawab untuk mengkoordinasi, menjalankan, memantau aktiviti pengendalian ekshibit dan menguruskan aktiviti stor ekshibit mengikut garis panduan yang ditetapkan
 - Setiap ekshibit yang dirampas dikendalikan dan disimpan dengan baik. Ekshibit tersebut dibungkus dan dilabel dan disimpan di stor ekshibit. Semua pergerakan ekshibit di stor ekshibit direkodkan. Ini adalah untuk memastikan rantaian keterangan terjaga.

4. Seksyen Kawalan Iklan

Di bawah seksyen ini terdapat 3 unit:

- Unit Koordinasi Saringan iklan Ubat bertanggungjawab dalam menyelaras penyiasatan kes iklan yang melanggar Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956
- Unit Seranta Iklan Ubat bertanggungjawab dalam menyelaras saringan dan pemantauan iklan di media dan saringan iklan di premis pemeriksaan.
- Unit Perkembangan Penguatkuasa Farmasi menjalankan penyelarasan dan penganalisaan data infomatik penguatkuasaan farmasi, mengkoordinasi aktiviti R&D dan inovasi penguatkuasaan farmasi dan menjalankan pemantauan terhadap kawalan sumber penguatkuasa farmasi (kewangan, perjawatan dan latihan)

5. Seksyen Kawalan Farmaseutikal dan Perlindungan Pengguna

Di bawah seksyen ini terdapat 4 unit:

- Unit Perlindungan Pengguna; Secara umumnya, objektif Unit Perlindungan Pengguna adalah untuk mengurangkan penjualan produk tidak berdaftar dan produk tidak bernotifikasi. Dalam usaha itu, pelbagai aktiviti seperti aktiviti pameran, ceramah dan dialog bersama-sama pembekal produk-produk kesihatan diadakan untuk meningkatkan tahap pengetahuan pengeluar produk kesihatan tentang keperluan pendaftaran produk sekaligus memastikan produk di pasaran adalah selamat, berkualiti dan berkesan untuk digunakan.
- Unit Forensik Farmaseutikal bertanggungjawab ke atas surveillans produk dengan menghantar sampel yang disyaki bermasalah untuk dibuat analisis
- Unit Farmaseutikal Siber berperanan mengawal selia informasi berbentuk elektronik untuk memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat, betul dan benar.
- Unit Pemeriksaan Tidak Berlesen bertanggungjawab dalam menyelaras aktiviti pemeriksaan untuk memastikan produk yang dijual di pasaran adalah selamat untuk digunakan.

3.2.5 FUNGSI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Menentukan agar penyediaan, penjualan dan penyimpanan semua bahan makanan adalah selamat dan bersih.

ii. Menentukan supaya semua bahan makanan yang dijual adalah:

a. Bebas daripada pencemaran dan penambahan aditif makanan yang tidak diperlukan dan penipuan.

- b. Mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
- c. Dilabel dan diiklan dengan tidak mengelirukan dan memberikan gambaran sebenar mengenai kandungan makanan tersebut.

iii. Menentukan supaya kandungan semua bahan makanan yang diimport ke negara ini adalah selamat dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.

iv. Menentukan konsainman makanan yang dieksport oleh negara ini mematuhi perundangan yang dikehendaki oleh negara-negara pengimport.

v. Menentukan orang ramai menerima maklumat yang mencukupi mengenai aspek keselamatan.

iv. Menentukan konsainman makanan yang dieksport oleh negara ini mematuhi perundangan yang dikehendaki oleh negara-negara pengimport.

v. Menentukan orang ramai menerima maklumat yang mencukupi mengenai aspek keselamatan.

DOKUMEN TIDAK TERKUALIFIKASI